



# Kemajuan projek ECRL kini capai lebih 48 peratus

Ogos 25, 2023 @ 3:37pm

MARAN: Kerja-kerja pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sudah mencapai kemajuan sebanyak 48.77 peratus sehingga kini, kata Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Negara berkata perkembangan berkenaan selaras dengan pembangunan projek itu dari Kota Bharu, hingga Terminal Bersepadu Gombak yang dijangka siap pada Disember 2026, sekali gus membolehkan perkhidmatan ECRL beroperasi pada Januari 2027.

"Saya ingin memaklumkan juga kadar kemajuan yang memberangsangkan bagi projek ini bukan sahaja tertumpu kepada kerja-kerja infrastruktur dan pembinaan projek mega itu, malah meliputi penglibatan syarikat tempatan dalam pelaksanaan ECRL.

"Projek ini telah menyaksikan penglibatan lebih kurang 2,700 syarikat tempatan yang terdiri daripada kontraktor, perunding dan pembekal dari tahun 2017 hingga suku pertama tahun ini.

"Nilai kontrak yang melibatkan syarikat tempatan dalam kerja projek ECRL telah mencecah sekitar RM12 bilion sekali gus mengatasi sasaran RM10.8 billion yang disasarkan bagi kerja sivil projek ini," katanya ketika berucap pada majlis penembusan terowong di Kampung Gedung Siam 3, di sini hari ini.

Mohd Zuki berkata bagi pembabitan kontraktor Bumiputera pula, sebanyak RM2.3 bilion atau 66 peratus daripada sasaran RM3.5 bilion kerja sivil ECRL diberikan kepada subkontraktor dan pembekal dari golongan berkenaan.

Beliau berkata kerja pembinaan projek pengangkutan nasional itu sedang giat dijalankan melibatkan lebih 21,000 tenaga kerja di lebih 1,600 tapak kerja di sepanjang jajaran.

Menyentuh mengenai pembinaan terowong di Kampung Gedung Siam 3 sepanjang 1.32 kilometer (km) yang kerja infrastrukturnya dijangka siap sepenuhnya pada April 2024 itu, Mohd Zuki berkata ia berjaya dilaksanakan mengikut jadual menggunakan kaedah penggerudian dan letupan.

Dengan purata ketinggian sebanyak 13.47 meter dan kelebaran 13.02 meter, terowong itu dibina bagi membolehkan laluan kereta api ECRL memenuhi tahap maksimum kecerunan 0.74 peratus serta bagi tujuan mengelakkan penebangan terbuka di kawasan kampung.

Sehingga kini, kerja-kerja pengorekan 25 daripada 40 terowong yang ditetapkan dalam pembinaan ECRL telah berjaya ditembusi termasuk 21 terowong di Seksyen A (Kota Bharu - Dungun) dan Seksyen B (Dungun - Mentakab) manakala empat di Seksyen C (Mentakab - Pelabuhan Klang).

Selain itu, Mohd Zuki memaklumkan pemasangan jambatan bagi lima lokasi di jajaran ECRL Seksyen A dan Seksyen B sudah dilaksanakan sepenuhnya.

Projek ECRL merangkumi rangkaian rel sepanjang 665 km yang akan merentasi negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sebelum menghubungkan Lembah Klang di Pantai Barat Semenanjung.

- BERNAMA



Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Zuki Ali (enam kanan) merasmikan majlis penembusan terowong ke-24 majlis penembusan terowong di Kampung Gedung Siam 3, dekat Maran, hari ini. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.